No. Rujukan : KUIPs/PEND./MEMO/100.25/2015 (2)
Tarikh : 02 September 2015

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS

# MEMORANDUM JABATAN PENDAFTAR BIL. 2/2015

Kepada:

**SEMUA STAF**
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS**

Edaran kpd. semua ketua jabatan/ptj/unit kuips.

Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Kolej Universiti Islam Perlis
Tel: 04-949 3311 / Faks: 04-949 3314

*Assalamualaikum wbt;*

YBhg Dr./Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PEMATUHAN WAKTU BEKERJA KEPADA SEMUA KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

Dengan segala hormatnya, saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Tertakluk di bawah **Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kolej Universiti Islam Perlis** (KUIPs) 2014 (Pindaan 2015) yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah KUIPs bertarikh 20 November 2014 dan 10 Ogos 2015 mengenai **Perkara 19 dibawah Peraturan Masa Bekerja dan Adab Bekerja Pegawai Kolej Universiti Islam Perlis.**

3. Sehubungan itu, semua warga kerja Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) adalah diingatkan untuk mematuhi peraturan waktu bekerja sebagaimana jadual pelaksanaan Waktu Bekerja yang digunapakai di Kolej Universiti Islam Perlis seperti berikut:

| Waktu Bekerja | Hari | Waktu Bekerja | Waktu Rehat | Waktu Bekerja |
|---|---|---|---|---|
| WB | Isnin - Khamis | 8.30pg –1.00ptg | 1.00ptg – 2.00ptg | 2.00ptg – 5.30ptg |
| | Jumaat | 8.30pg – 12.15tgh | 12.15tgh – 2.45ptg | 2.45ptg – 5.30ptg |

4. Selain itu, semua warga kerja adalah diwajibkan untuk keluar makan/minum pagi sebelum waktu pejabat dan tidak dibenarkan sama sekali untuk berada di kafeteria pada waktu bekerja. Bagi urusan peribadi dalam waktu pejabat, semua anggota kerja perlu mendapatkan **kelulusan Ketua Jabatan/Pengarah/Ketua Unit masing-masing dan masa yang diambil hendaklah tidak melebihi 4 jam.** Kenyataan Rekod Pergerakan Setiap Staf adalah merupakan tanggungjawab Ketua Jabatan/Pengarah/Ketua Unit masing-masing. Tindakan pemotongan cuti akan diambil sekiranya urusan tersebut melebihi 4 jam ***(Rujuk Pekeliling Pentadbiran Bil. 7/2015 bertarikh 23 Jun 2015).***

No. Rujukan : KUIPs/PEND./MEMO/100.25/2015 (2)
Tarikh : 02 September 2015

Pihak Pengurusan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) akan sentiasa membuat pemantauan agar semua anggota kerja mematuhi peraturan ini dan akan mengenakan tindakan tatatertib terhadap mana-mana warga kerja yang didapati gagal mematuhi peraturan-peraturan berkenaan.

Semua warga kerja dipohon untuk mengambil perhatian yang serius mengenai perkara ini dan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan sedia ada.

Sekian, *jazakallahumu khairan khatira.*

**"SYUMUL, TAQWA DAN DINAMIK"**

Saya yang menurut perintah

**(ROHANA BINTI ZAINOL)**
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Pendaftar
Kolej Universiti Islam Perlis